

Pelan Strategik

MAJLIS
PERBANDARAN
KLANG



2010-2015



مجلس نواب كوالا

www.mpklang.gov.my

Kandungan

- 2 Kata Aluan Yang DiPertua MPK
- 3 Ringkasan Eksekutif
- 4 Pengenalan dan Latarbelakang Majlis Perbandaran Klang
- 6 Carta Organisasi
- 7 Punca Kuasa
- 9 Fungsi dan Peranan
- 10 Pihak Berkepentingan (*Stakeholders*) dan Pelanggan
- 11 Perubahan Landskap Pihak Berkuasa Tempatan
- 12 Agenda Transformasi
- 13 Misi, Visi dan Moto Majlis Perbandaran Klang
- 15 Nilai Yang Dikongsi Bersama
- 16 Strategi dan Pelan Tindakan
- 17 Teras Strategik
- 35 Elemen-elemen Kejayaan
- 38 Peta Strategik
- 40 Penutup



| kata Aluan |

Bismilahirrahmanirahim

Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Segala puji bagi Allah diatas segala limpahan nikmat dan kurnia-Nya, Majlis Perbandaran Klang dapat menyediakan Pelan Strategik bagi tahun 2011–2015. Beberapa strategi telah dirangka, disusun dan didokumenkan didalam Pelan Strategik ini. Tujuan utama Pelan Strategik ini disediakan adalah sebagai panduan kepada pegawai-pegawai MPK, pelanggan MPK serta pihak-pihak berkepentingan memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan agenda transformasi MPK kearah menjadikan Klang sebagai bandaraya terbilang menjelang 2015. Selain itu, Pelan Strategik ini juga boleh dijadikan rujukan tentang rentetan sejarah perkembangan bandar Klang dan MPK untuk beberapa tahun akan datang.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1890, Pihak Berkuasa Tempatan Klang terus berkembang maju sehingga mencapai taraf Majlis Perbandaran Klang pada hari ini. Lebih dari seabad lalu, ia telah berfungsi untuk memberi perkhidmatan perbandaran bagi kesejahteraan dan kesentosaan penduduk Klang. Hasil dari perancangan dan pembangunan yang seimbang, Klang hari ini telah muncul sebagai sebuah Bandar DiRaja yang indah dan permai. Kawasan pentadbiran seluas 573.8 km persegi ini mengandungi kawasan perumahan, perdagangan, perindustrian dan pelabuhan.

Penduduk Klang kini telah mencapai hampir sejuta orang manakala pegangan harta berjumlah lebih daripada 175,000 pegangan. Kepsatan pembangunannya banyak memberi peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan bukan sahaja untuk penduduk tempatan tetapi juga bagi mereka yang datang dari dalam dan luar negara.

Oleh yang demikian, satu Pelan strategik adalah penting bukan sahaja untuk penduduk Klang tetapi pihak-pihak lain seperti pelabur, pelawat, pelancong dan komuniti perniagaan.

Besar harapan saya Pelan Strategik MPK yang telah disediakan dapat dilaksanakan dan pihak-pihak bertanggungjawab perlulah memastikan pelan strategik ini diikuti dan bertindak tanpa menunggu arahan. Semua warga MPK perlu memikul tanggungjawab dalam membangunkan Majlis ke arah kecemerlangan menjelang 2015.

Y.BHG TUAN MISLAN BIN TUGIU
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Klang



ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik MPK menggariskan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh 2011 hingga 2015. Pelan Strategik ini disediakan berasaskan misi, visi dan sasaran yang hendak dicapai oleh MPK. Ia mengambil kira kekuatan dan kekangan semasa yang dihadapi oleh MPK serta cabaran dan peluang-peluang dalam beberapa tahun akan datang. Pelan Strategik ini boleh dijadikan panduan oleh pegawai-pegawai MPK, pelanggan MPK dan pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders* dalam melaksanakan peranan masing-masing. Sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing mengikut perancangan yang ditetapkan, Pelan Strategik ini akan membantu MPK menjadikan bandaraya Klang sebagai bandaraya terbilang menjelang 2015.

Pelan Strategik ini mengandungi tujuh teras strategik atau TS utama yang setiap satunya disusuli dengan strategi-strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian. Keberkesanan dan pencapaian setiap strategi tersebut akan dipantau secara berterusan melalui petunjuk-petunjuk yang relevan. Teras-teras strategik tersebut adalah:-

1. Memantapkan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.
2. Memperkasakan tadbir urus organisasi dan membudayakan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan organisasi.
3. Memperkukuhkan pengurusan kewangan untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat.
4. Menaiktaraf kualiti perkhidmatan bandar untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
5. Memantapkan perancangan dan kawalan pembangunan bandar bagi merealisasikan pembangunan yang mampan.
6. Menambah dan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam bagi mewujudkan suasana kehidupan yang lebih selesa, seimbang dan selamat.
7. Meningkatkan keupayaan, keprihatinan dan penglibatan masyarakat bagi mewujudkan masyarakat madani yang harmonis

Beberapa elemen penting telah dikenalpasti sebagai penentu kejayaan Pelan Strategik ini. Di antaranya ialah penglibatan masyarakat, sokongan kakitangan, pengurusan projek yang mampan, pengurusan ilmu, pembangunan modal insan dan pemantauan berterusan tentang keberkesanan pelan-pelan tindakan yang digariskan.




| pengenalan dan latar belakang
Majlis Perbandaran Klang |

Klang adalah sebuah bandar yang tertua di Malaysia. Penemuan perkakas-perkakas di zaman pra sejarah bernama 'Tulang Mawas' yang digunakan di zaman besi mengukuhkan bukti peradaban manusia yang telah bertamadun di Klang sejak 2,000 tahun yang lampau. Catatan yang mula-mula ditulis mengenai Klang bermula dari zaman Kerajaan Majapahit kira-kira 600 tahun dahulu.

Walau bagaimanapun sejarah rasmi Klang tidak bermula sehingga tahun 1895 apabila sempadan kawasan Lembaga Kesihatan Klang ditentukan dalam tahun 1903 dan ini diikuti pula dengan penentuan sempadan kawasan Lembaga Kesihatan Klang. Dalam bulan Disember 1945 bagi menghapuskan salah faham tentang tugas-tugas Lembaga Kesihatan namanya telah ditukarkan menjadi Lembaga Bandaran yang kemudiannya tertubuhlah Lembaga Bandaran Klang.

Ordinan Pilihanraya Majlis-majlis Tempatan yang bersejarah memulakan prinsip-prinsip ahli-ahli yang dipilih dalam majlis berkuasa tempatan di Malaysia telah dikuatkuasakan dalam tahun 1950. Majlis Bandaran Klang telah ditubuhkan pada 3 Disember 1954, menurut peruntukan-peruntukan Ordinan ini sebagai sebuah Majlis berkuasa tempatan yang mentadbir Bandar Klang serta mempunyai dua kawasan iaitu Klang dan Port Swettenham (sekarang Pelabuhan Klang). Pada tahun 1975, Majlis Bandaran Klang telah dinaik taraf ke Majlis Daerah.






Dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di mana proses penyusunan semula Penguasa Tempatan diseluruh Malaysia dilaksanakan, Majlis Daerah Klang telah dinaikan taraf yang sedia ada sekarang iaitu Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada Januari 1977 dengan kawasan seluas 23.5 batu persegi dan bilangan penduduk seramai lebih kurang 220,000 orang.

Bandar Klang terletak kira-kira 20 batu di barat daya ibukota negara Bandaraya Kuala Lumpur. Walaupun bandar ini tidak mempunyai bangunan-bangunan pencakar langit, namun Bandar Klang mempunyai sejarah gilang-gemilang sebagai Bandar Diraja tempat bersemayam beberapa orang Sultan semenjak beberapa kurun. Terletak kira-kira 5 batu ke barat daya ialah Pelabuhan Klang, sebuah pelabuhan utama Malaysia yang juga merupakan nadi ekonomi negara (dahulunya dikenali sebagai Port Swettenham).

Kedudukan geografinya di persisiran pantai Selat Melaka telah menjadikan Klang sebagai pelabuhan utama negara Malaysia. Keistimewaan ini juga menjadikan Klang sebagai pusat rekreasi air dan terkenal dengan hidangan makanan lautnya. Maklumat yang terkandung di dalam Pelan Strategik ini akan membantu anda semua mengenali MPK lebih dekat serta Bandar Klang yang bersejarah dan bakal menjadi bandaraya Diraja dan pelabuhan antarabangsa yang terkemuka dunia.

carta organisasi

Majlis Perbandaran Klang





| punca Kuasa |

PERUNDANGAN

Majlis Perbandaran Klang menjalankan tugas berlandaskan kepada peruntukkan undang-undang seperti disenaraikan dibawah:-

AKTA

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
4. Akta Bangunan dan Harta Bersesama (Penyelenggaraan dan pengurusan) 2007 (Akta 663)
5. Akta Makanan 1983 (Akta 281)
6. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
7. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)
8. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)

ENAKMEN

1. Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971
2. Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995

UNDANG-UNDANG KECIL

1. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986
2. Undang-Undang Kecil Peruntukkan Mengenai Lesen Bersesama 1992
3. Undang-Undang Kecil Kerja di Jalan 1996
4. Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam 2005
5. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) Kerajaan Tempatan 2005
6. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) jalan, Parit dan Bangunan 2005
7. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) 2005
8. Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Klang) 2005
9. Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Klang) 2005
10. Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Klang) 2005
11. Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Klang) 2005
12. Undang-Undang Kecil Pelesenan anjing (Majlis Perbandaran Klang) 2007
13. Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembangunan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Klang) 2007
14. Undang-undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Klang) 2007
15. Undang-undang Kecil Tred, Pemiagaan Dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) 2007
16. Undang-undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Klang) 2007
17. Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Klang) 2007
18. Undang-undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Klang) 2007
19. Undang-undang Kecil Pengendalian Tanah (Majlis Perbandaran Klang) 2007
20. Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Klang) 2007

21. Undang-undang Kecil Pelesenan Establishmen Makanan (Majlis Perbandaran Klang) 2007
22. Undang-undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) 2007
23. Undang-undang Kecil Kotam Renang (Majlis Perbandaran Klang) 2007
24. Undang-undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Klang) 2007
25. Undang-undang Kecil Pasar (Majlis Perbandarann Klang) 2007
26. Undang-undang Kecil Krematorium (Majlis Perbandaran Klang) 2007

PERINTAH

1. Perintah Tetap Mesyuarat (Majlis Perbandaran Klang) 2007
2. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Klang) 2007

KAEDAH-KAEDAH

1. Kaedah-kaedah Pekerja (Perlakuan Dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Klang) 1995
2. Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan 1999 - Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976
3. Kaedah-kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok 2001 Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976
4. Kaeda-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001 - Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976

PERATURAN

1. Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan 2) 1969
2. Peraturan-peraturan Makanan 1985
3. Peraturan-peraturan kawalan Tembakau 1993
4. Peraturan-peraturan Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan (Permainan Souker dan video) (Kawalan dan Penyeliaan) (Selangor) 1996
5. Peraturan-peraturan Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan (Selangor) 1996

**PUNCA KUASA
MPK**



| fungsi dan Peranan |

FUNGSI

Memberi perkhidmatan perbandaran kepada seluruh masyarakat di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang melalui pelaksanaan peranan berikut.

PERANAN

- Memaju, menggalakkan dan mengawal pembangunan perbandaran,
- Memaju, menggalakkan dan menyelaraskan segala aktiviti ekonomi dan perniagaan,
- Memperkasa pengurusan hasil,
- Menyediakan dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam,
- Menguruskan alam sekitar, kebersihan dan kesihatan,
- Memantapkan pembangunan belia dan kemasyarakatan.

| pihak berkepentingan (stakeholders) dan
Pelanggan |





perubahan landskap pihak **Berkuasa Tempatan**

PERUBAHAN DEMOGRAFIK KEPENDUDUKAN

Perubahan dalam struktur demografik penduduk seperti pertambahan jumlah keluarga, perubahan jangkaan jangka hayat dan kepelbagaian etnik menuntut perancangan yang rapi dari MPK. Cabaran utama adalah untuk memuaskan hati semua pihak dengan menggunakan sumber-sumber yang terhad.



TEKNOLOGI DAN ICT

Kepesatan pembangunan teknologi dan ICT mempengaruhi kedudukan ekonomi sesebuah keluarga dan seterusnya menuntut perubahan dalam cara hidup seseorang. Sistem penyampaian perkhidmatan MPK perlu diselaraskan dengan perubahan perubahan ini. Cabaran utama MPK adalah untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan menggunakan teknologi yang terkini.



TUNTUTAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Tekanan dari pelbagai pihak untuk memelihara dan memulihara alam sekitar telah meningkat hasil dari kesedaran orang ramai tentang kepentingannya. Perubahan iklim dunia telah meyakinkan ramai pihak bahawa sesuatu mesti dilakukan untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem dunia. MPK perlu menangani cabaran untuk mengimbangi keperluan penjagaan alam sekitar dan penerokaan kawasan baru untuk tujuan perumahan, perniagaan, pengangkutan dan pembuangan sampah.

TADBIR URUS

Salah satu asas kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan ialah tadbir urus yang mantap dan berintegriti. MPK telah dan akan terus memperbaiki sistem kerja, prosedur dan peraturan meliputi segenap aspek pengurusan dan pentadbiran. Penambahbaikan ini akan menutup peluang untuk penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Tumpuan juga akan diberikan kepada pembangunan modal insan melalui penerapan budaya kecemerlangan dan pengamalan nilai-nilai positif.

| agenda
Transformasi |



Agenda Transformasi adalah bertujuan untuk menyokong visi MPK menjadikan Klang sebagai bandaraya terbilang menjelang 2015. Pelaksanaan agenda ini akan membawa kepada kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup untuk penduduk Klang. Visi ini boleh dijayakan melalui pelaksanaan teras-teras strategik yang digariskan dalam Pelan Strategik MPK.

Agenda transformasi ini perlu dilaksanakan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkongsi nilai-nilai murni seperti adil, amanah, disiplin dan semangat kerja berpasukan. Ia juga perlu disandarkan kepada kekuatan modal insan, teknologi, sistem kerja serta nilai dan etika kerja yang positif. Secara umum agenda ini boleh digambarkan melalui rajah di sebelah.

| visi, misi dan moto

Majlis Perbandaran Klang |

Visi

"Ke arah mewujudkan bandaraya terbilang di Malaysia menjelang 2015"

Misi

"Merancang dan mengawal pembangunan yang mampan dan memberi perkhidmatan bandar yang berkualiti melalui tadbir urus yang cemerlang untuk masyarakat Klang yang gemilang"

Moto

"Perpaduan Sendi Kekuatan"



nilai yang dikongsi
Bersama

KERJA BERPASUKAN

Pegawai dan kakitangan mempunyai semangat kerja berpasukan, berkerjasama, bertolak ansur dan sifat bermuafakat untuk mencapai misi dan visi organisasi.

ADIL

Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat.

AMANAH

Sentiasa menjalankan tugas dengan penuh amanah serta komitmen sepenuhnya sejajar dengan akujanji yang telah dikrarkan.

BIJAKSANA

Sentiasa berusaha melaksanakan tugas serta tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Setiap tindakan yang dibuat perlulah mengikut pertimbangan rasional serta mengambil kira kepentingan organisasi.



TELUS

Sentiasa berusaha bersikap positif dengan mewujudkan prosedur kerja yang telus seperti menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Menyalurkan maklumat kepada pihak-pihak yang berhak mengetahui selagi tidak bercanggah dengan undang-undang.

BERDISPLIN

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berdasarkan prinsip dan undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh tekun dan taat setia dan menjaga nama baik dan imej organisasi di mata masyarakat dan negara.

AKAUNTABILITI

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan.





مجلس قريستان كلنگ

MAJLIS
PERBANDARAN
KLANG



Strategik dan Pelan Tindakan

Memantapkan
keupayaan dan kapasiti
organisasi bagi
meningkatkan kecakapan
sistem penyampaian
perkhidmatan

Memperkasakan
teknik urus organisasi
dan membudayakan nilai-
nilai murni ke arah
kecemerlangan
organisasi

Memperkukuhkan
pengurusan kewangan
untuk memberi
perkhidmatan yang
berkualiti kepada
masyarakat

Menaktaraf
kualiti perkhidmatan
bandar untuk
meningkatkan
kualiti hidup
masyarakat

Memantapkan
perancangan dan
kawalan pembangunan
bandar bagi
merealisasikan
pembangunan yang
mampun

Meningkatkan
keupayaan, keprihatinan
dan penglibatan
masyarakat bagi
mewujudkan masyarakat
madani yang
harmonis

Menambah dan
menaktaraf infrastruktur
dan kemudahan awam
bagi mewujudkan
suasana kehidupan
yang lebih selesa,
seimbang dan selamat

TERAS STRATEGIK

teras Strategik 1

Memantapkan
Keupayaan dan Kapasiti Organisasi
Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem
Penyampaian Perkhidmatan

KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN DI MPK BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KEUPAYAAN DAN KAPASITI SUMBER MANUSIANYA UNTUK MELAKSANAKAN STRATEGI-STRATEGI YANG TELAH DIGARISKAN. KEUPAYAAN DAN KAPASITI SUMBER MANUSIA ATAU MODAL INSAN PULA BOLEH DIPERTINGKATKAN MELALUI LATIHAN, PEREKAYASAAN SISTEM DAN PROSES KERJA SERTA DIBANTU OLEH INFRASTRUKTUR ICT YANG MENCUKUPI.

STRATEGI

- Memantapkan pembangunan organisasi
- Menetapkan hala tuju strategik pengurusan sumber manusia
- Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif
- Mempertingkat dan memperkasakan imej organisasi

PELAN TINDAKAN

1. Memperkukuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi
2. Memantapkan fungsi dan aliran tugas yang bersistematik.
3. Membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia
4. Memantapkan pengurusan pengetahuan dan maklumat (*K-Management*)
5. Mempertingkatkan budaya inovatif dan kreatif
6. Memanfaat dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan
7. Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat
8. Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan – pekerja
9. Membangunkan Pelan Transformasi PBT
10. Mempromosikan cara hidup sihat dikalangan kakitangan
11. Membangunkan Pelan Media dan promosi.
12. Mempertingkat dan memudahkan capaian pelanggan kepada PBT
13. Membangunkan Pelan Strategik ICT

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Memantapkan pembangunan organisasi	Memperkuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi	Penaratan dalam <i>Star Rating</i>	Mendapat penaratan 5 bintang pada tahun 2011
		Kajian skim perkhidmatan	2 tahun sekali
	Memantapkan fungsi dan aliran tugas yang bersistematis.	Persijilan ISO 9001:2008	Mendapat siji pada tahun 2011
Menetapkan hala tuju strategik pengurusan sumber manusia	Membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia	Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia	Pelan disiapkan pada tahun 2010
		Tahap Kompetensi Pekerja	Tahap kompetensi pekerja yang mendapat aras 4 melebihi 10% setiap tahun
	Memantapkan pengurusan pengetahuan dan maklumat (<i>K-Management</i>)	Pangkalan data <i>K-Management</i>	Pangkalan data diwujudkan pada tahun 2010
	Memperingkatkan budaya inovatif dan kreatif	Anugerah Inovasi	Menduduki tempat 5 teratas dalam pertandingan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam pada tahun 2011
KMK		Menduduki tempat 5 teratas dalam pertandingan KMK pada tahun 2011	



STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	Memanfaat dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan	Tahap kepuasan Pekerja	Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun
	Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat		
	Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan – pekerja	Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Perhimpunan bersama Pekerja	Bilangan Mesyuarat 4 kali setahun 4 kali setiap tahun
Mempertingkat dan memperkasakan imej organisasi	Membangunkan Pelan Transformasi PBT	Pelan media	Peningkatan 5% persepsi pelanggan berpandangan positif terhadap PBT
	Mempertingkatkan kakitangan yang sihat	Indeks Persepsi Pelanggan	Tidak kurang dari 90% persepsi pelanggan berpandangan positif terhadap PBT
	Membangunkan Pelan Media dan Promosi		4 kali setahun
	Mempertingkat dan memudahkan capaian pelanggan kepada PBT	Corporate Social Responsibility	Pelan disediakan pada tahun 2012
	Membangunkan pelan strategi ICT	Kepuasan Pelanggan	

teras Strategik 2

Memperkasakan
Tadbir Urus Organisasi dan
Membudayakan Nilai-nilai Murni
Ke Arah Kecemerlangan Organisasi

KECEMERLANGAN SESEBUAH ORGANISASI BANYAK BERSANDARKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG BAIK ATAU *GOOD GOVERNANCE* DAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI DIKALANGAN KAKITANGAN. TADBIR URUS YANG BAIK HARUS DIPELOPORI OLEH PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI DAN DIKUTI OLEH KAKITANGAN BAWAHAN. IA BOLEH DIMANTAPKAN MELALUI SISTEM, PROSEDUR DAN ETIKA KERJA YANG DIDOKUMEN DAN DIPATUHI OLEH SEMUA KAKITANGAN MPK.

STRATEGI

- Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan
- Memperkasakan tadbir urus
- Memantapkan sistem dan prosedur kerja

PELAN TINDAKAN

1. Memperkemaskan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan
2. Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu
3. Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa
4. Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman
5. Mewujudkan Pelan Integriti Organisasi dan Kod Etika Organisasi (eg. Dari segi pakailan, *greeting*)
6. Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni
7. Merekayasa dan menambah baik sistem dan prosedur kerja

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan	Memperkemaskan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan	Kod etika dan amalan terbaik	Kod etika dan amalan terbaik diperkemaskan pada 2010
	Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu	Bilangan aduan	Mengurangkan 50 peratus masalah
	Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa	Latihan dan kursus	Peratus kesilapan kertas siasatan turun 40 peratus dalam tahun 2011
Memperkasakan tadbir urus	Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman	Indeks Akauntabiliti (Audit Negara)	Mendapat penarafan 5 bintang pada tahun 2011
		Bilangan kes tatatertib	Disediakan pada tahun 2010
	Mewujudkan Pelan Integriti Organisasi dan Kod Etika Organisasi	Pelan Integriti dan Kod Etika	90% pelanggan berpandangan positif terhadap PBT tahun 2011
	Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni	Indeks Persepsi Pelanggan	12 kali program dilaksanakan pada setiap tahun
Bilangan program penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni			
Memantapkan sistem dan prosedur kerja	Merekayasa dan menambah baik sistem dan prosedur kerja	Persijilan ISO 9001:2008	Mendapat Sijil pada tahun 2011
			Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun
			90% prosedur berjaya semak dan ditambah baik pada tahun 2011

teras Strategik 3 *Memperkuhkan Pengurusan keuangan Untuk Memberi Perkhidmatan Yang Berkualiti Kepada Masyarakat*

SEGALA STRATEGI DAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN MEMERLUKAN SUMBER KEWANGAN YANG MENCUKUPI. PENGURUSAN KEWANGAN YANG MAMPAN ADALAH PERLU UNTUK MENJAMIN PENGALIRAN WANG MASUK ADALAH SETARA DENGAN PENGALIRAN WANG KELUAR. MPK AKAN MEMANTAPKAN LAGI SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN DENGAN MEMPELBAGAIKAN SUMBER HASIL, MELAKSANAKAN PERBELANJAAN BERHEMAM DAN MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN ASSET.

STRATEGI

- Memantapkan Keupayaan Kutipan Hasil
- Mempelbagaikan Sumber Hasil
- Penilaian Semula Hartanah Berkadar
- Perbelanjaan Berhemah
- Meningkatkan simpanan dan rezab Majlis
- Memperkasakan Pengurusan dan penyelenggaraan aset

PELAN TINDAKAN

1. Mempelbagaikan Kaedah Kutipan Dan Saluran Pembayaran Hasil
2. Memperkemaskan Kecekapan Sistem Pemantauan Kutipan Hasil
3. Mempertingkatkan Keberkesanan Kutipan Hasil Tertunggak
4. Meningkatkan kesedaran masyarakat melalui promosi/ kempen
5. Memperkasa dan memperhebatkan kegiatan Ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi
6. Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan kawasan penempatan baru
7. Mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri
8. Mengoptimumkan kos operasi organisasi
9. Membudayakan penjimatan dan mengelakkan pembaziran
10. Menyimpan lebih tunai daripada hasil yang dikutip
11. Menyediakan Plan Pengurusan Aset
12. Menaiktaraf dan penambahbaikan keadaan aset

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Memantapkan Keupayaan Kutipan Hasil	Mempelbagaikan Kaedah Kutipan dan Saluran Pembayaran Hasil	Jumlah Kutipan RM184 juta	95% dari Anggaran Hasil Tahunan
	Memperkemaskan Kecekapan Sistem Pemantauan Kutipan Hasil	E-Hasil	2012
	Mempertingkatkan Keberkesanan Kutipan Hasil Tertunggak	Jumlah Kutipan Hasil Tertunggak yang dikutip	90% daripada jumlah tunggakan
	Meningkatkan kesedaran masyarakat melalui promosi/ kempen	Jumlah tunggakan Bilangan tindakan	20% menurun setiap tahun
Mempelbagaikan Sumber Hasil	Memperkasa dan memperhebatkan kegiatan Ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi	Jumlah harta di nilai dan hasil diperolehi	Peningkatan hasil cukai taksiiran 10% setahun
	Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan kawasan penempatan baru	Petunjuk Bandar	5% tambahan hasil dari kawasan baru
Penilaian Semula Hartanah Berkadar	Mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri	Senarai Nilain Baru	2012
Perbelanjaan Berhemah	Mengoptimumkan kos operasi organisasi	Prestasi perbelanjaan	Penurunan kepada 20% daripada perbelanjaan semasa
	Membudayakan penjimatan dan mengelakkan pembaziran	Laporan Prestasi bulanan	Penjimatan sebanyak RM500,000/- setahun daripada anggaran hasil
Meningkatkan simpanan dan rezab Majlis	Menyimpan lebih tunai daripada hasil yang dikutip	Laporan Aliran Tunai	RMS juta setahun
Memperkasakan Pengurusan dan penyelenggaraan aset	Menyediakan Pelan Pengurusan Aset	Laporan Pengurusan Aset	4 kali setahun
	Menaktaraf dan penambahbaikan keadaan aset	Laporan Buku Log dan Kad Penyelenggaraan Aset	50% ditingkatkan Tahun 2012

teras Strategik 4

*Menaiktaraf Kualiti
Perkhidmatan Bandar Untuk
Meningkatkan Kualiti Hidup
Masyarakat*

GAYA HIDUP MASYARAKAT MASA KINI AGAK BERBEZA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN DAHULU. ANGGOTA MASYARAKAT SEKARANG LEBIH MENGHARGAI MASA DAN PERLU MELAKUKAN PELBAGAI TUGASAN DALAM WAKTU YANG TERHAD. MEREKA MEMERLUKAN PERKHIDMATAN BANDAR YANG CEKAP, BERKESAN DAN DISAMPAIKAN DENGAN CEPAT. MPK AKAN MEMPERUNTUKKAN BAJET YANG MENCUKUPI UNTUK MENINGKATKAN KAPASITI ICT, PERALATAN DAN KENDERAAN UNTUK TUJUAN INI.

STRATEGI

- Mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan bandar
- Memantapkan pengurusan perkhidmatan bandar

PELAN TINDAKAN

1. Menaiktaraf pangkalan data perkhidmatan bandar.
2. Menyediakan bilangan peralatan dan kenderaan yang mencukupi.
3. Meningkatkan program pendidikan mencintai alam sekitar dan kempen-kempen kebersihan
4. Mempergiatkan program kitar semula dan dialog bersama penduduk.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan bandar	Menaiktaraf pangkalan data perkhidmatan bandar	Kepuasan pelanggan	90% Maklumbalas dalam 24 jam
	Menyediakan bilangan peralatan dan kenderaan yang mencukupi	Aduan berkurangan	Penurunan aduan kepada 90% pada tahun 2011
Memantapkan pengurusan perkhidmatan bandar	Meningkatkan program pendidikan mencintai alam sekitar dan kempen-kempen kebersihan	Bilangan kempen	Mengadakan 120 program setahun
	Mempergiatkan program kitar semula dan dialog bersama penduduk	Kekurangan aduan	Penurunan aduan sampah 10% setiap tahun

teras Strategik 5 Memantapkan Perancangan dan Kawalan Pembangunan Bandar Bagi Merealisasikan Pembangunan Yang Mampan

PEMBANGUNAN SESEBUAH BANDARAYA YANG DINAMIK DAN PROGRESIF MEMERLUKAN PERANCANGAN DAN KAWALAN YANG RAPI UNTUK MEMASTIKAN SUMBER-SUMBER YANG ADA PADA HARI INI DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM. TINDAKAN INI PERLU UNTUK MEMASTIKAN KESEIMBANGAN DALAM PEMBANGUNAN BANDAR DAN KESINAMBUNGAN HIDUP GENERASI AKAN DATANG. MPK MEMASTIKAN KESEIMBANGAN INI MELALUI PELAKSANAAN PELAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MENYELURUH YANG TURUT DISERTAI OLEH ORANG AWAM SEMASA FASA PERANCANGAN.

STRATEGI

- Menyediakan pelan perancangan pembangunan yang menyeluruh.
- Memastikan pembangunan dijalankan mengikut perancangan
- Meningkatkan tahap kemampanan bandar
- Meningkatkan penglibatan awam dalam perancangan
- Memperkukuh dan mempertingkatkan pemeliharaan alam sekitar
- Perkongsian bijak

PELAN TINDAKAN

1. Menyediakan perancangan kawasan khas.
2. Menyediakan garis panduan perancangan dan kawalan pembangunan
3. Menyediakan pelan induk
 - i. Landskap
 - ii. Lalulintas
 - iii. Saliran dan kawalan banjir
4. Meningkatkan keupayaan pegawai berhubung akta 172 dan 133
5. Memantapkan jadual dan kaedah pemantauan
6. Mempertingkatkan pelaksanaan program bandar mampan
7. Mendapatkan penglibatan awam sebelum menyediakan pelan pembangunan melalui 'focus group discussion'
8. Memasukan wakil penduduk dalam penyediaan pelan.
9. Mendapatkan pandangan penduduk dalam perubahan pelan
10. Mengawal pencemaran udara, air dan alam sekitar.
11. Meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam
12. Menggalakan dan meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan modular sistem dalam sektor pembinaan
13. Mengadakan kerjasama dengan agensi persekutuan dan negeri dalam penyediaan pelan, garis panduan, kaedah, dan prosidur kerja.
14. Meningkatkan komitmen pemaju perumahan dalam melaksanakan projek secara 'good building practice'.
15. Menjadikan NGO dan JKKK sebagai agen pemantau.



STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN TAHUN SASARAN
Menyediakan pelan perancangan pembangunan yang menyeluruh	Menyediakan perancangan kawasan khas	Rancangan kawasan khas	5 RKK hingga 2015
	Menyediakan garis panduan perancangan dan kawalan pembangunan Contoh : Garis panduan Bangunan warisan dan pembangunan di dalam zon pemuliharaan	Bilangan Garis panduan	2 garis panduan setiap tahun
	Menyediakan pelan induk - Landskap - Lalulintas - Saliran dan kawalan banjir	Menyediakan pelan induk	Satu pelan induk setahun
Memastikan pembangunan dijalankan mengikut perancangan	Meningkatkan keupayaan pegawai berhubung akta 172 dan 133	Bilangan pegawai terlatih	30% setiap tahun
		Jenis latihan	Penguatkuasaan Akta 172 dan 133
	Tempoh latihan	10 Hari setahun	
	Memantapkan jadual dan kaedah pemantauan	Kawasan dipantau	Bilangan ketidakpatuhan ditemui, siasatan dan tindakan
Meningkatkan tahap kemampunan bandar	Mempertingkatkan pelaksanaan program bandar mampan	Indikator Kemampunan Bandar (MURNINet)	Mencapai skor melebihi 85% pada 2010 setiap tahun
Meningkatkan penglibatan awam dalam perancangan	Mendapatkan penglibatan awam sebelum menyediakan pelan pembangunan melalui 'focus group discussion'	Bilangan perbincangan	3 sesi bagi setiap pelan
	Memasukkan wakil penduduk dalam penyediaan pelan	Bilangan wakil	20% daripada jawatankuasa kerja
	Mendapatkan pandangan penduduk dalam perubahan pelan	Bilangan sesi pandangan awam dan peserta	2 sesi setiap pelan
Memperkuhkan dan mempertingkatkan pemelihara alam sekitar	Mengawal pencemaran udara, air dan alam sekitar	Indeks kualiti udara, air dan alam sekitar	Kualiti air sungai Klang mencapai tahap 3 tahun 2015
	Meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam	Bilangan sesi ceramah	2 kali setiap bulan
	Mengalakan dan meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan modular sistem dalam sektor pembinaan	Bilangan projek yang menggunakan sistem	Peningkatan 2% setiap tahun

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Perkongasian bijak	Mengadakan kerjasama dengan agensi persekutuan dan negeri dalam penyediaan pelan, garis panduan, kaedah, dan prosidur kerja	Bilangan projek yang dijalankan secara kerjasama	Peningkatan 5% setiap setahun
	Meningkatkan komitmen pemaju perumahan dalam melaksanakan projek secara 'good building practice'	Bilangan pemaju	Peningkatan 5% setiap setahun
	Menjadikan NGO dan JKKK sebagai agen pemantau	Bilangan NGO dan JKKK	3 persatuan setahun
	Pembangunan secara 'win win' (JV dan BOT)	Bilangan projek yang dilaksanakan	Minimum 50% projek setahun

teras Strategik 6 *Menambah dan Menaiktaraf Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bagi Mewujudkan Suasana Kehidupan Yang Lebih Selesa, Seimbang dan Selamat*

SESEBUAH KAWASAN PERBANDARAN PERLU KEPADA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM YANG MENCUKUPI KEARAH KEHIDUPAN YANG LESTARI. INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM INI PERLU DISELENGGARA SECARA BERKALA UNTUK MENJAMIN TAHAP KESELAMATANNYA. MPK AKAN MEMBANGUNKAN PELAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM YANG KOMPREHENSIF MERANGKUMI PROGRAM-PROGRAM KEMASYARAKATAN UNTUK PENDUDUK KLANG.

STRATEGI

- Mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan awam.
- Membangunkan masyarakat yang sihat fizikal, mental dan spiritual .
- Memperkukuhkan pengurusan kemudahan awam

PELAN TINDAKAN

1. Membangunkan Pelan Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang komprehensif
2. Memudahkan proses penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam oleh jabatan/agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.
3. Memperbanyakkan kawasan riadah dan kawasan hijau
4. Mempertingkatkan penyelenggaraan kawasan rekreasi
5. Mengadakan program-program sukan, mesra industri, forum agama dan mesra media.
6. Mengadakan program pendidikan kesihatan.
7. Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya gaya hidup sihat.
8. Membangunkan Pelan Penyelenggaraan kemudahan awam
9. Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Kemudahan Awam

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan awam	Membangunkan Pelan Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang komprehensif	Pelan Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur	Pelan siap pada tahun 2011
	Memudahkan proses penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam oleh jabatan/agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun
	Memperbanyakkan kawasan riadah dan kawasan hijau	Bilangan kawasan yang diwujudkan	10 kawasan diwujudkan pada setiap tahun
		Bilangan pokok	100,000 pokok setahun
	Mempertingkatkan penyelenggaraan kawasan rekreasi	Kepuasan penduduk	Tahap kepuasan 90% setiap tahun
Membangunkan masyarakat yang sihat fizikal, mental dan spiritual	Mengadakan program-program sukan, mesra industri, forum agama dan mesra media	Bilangan peserta dan penyertaan masyarakat	Meningkatkan bilangan penyertaan sejumlah 10% setahun
	Mengadakan program pendidikan kesihatan		
	Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya gaya hidup sihat		
Memperkuatkan pengurusan kemudahan awam	Membangunkan Pelan Penyelenggaraan kemudahan awam	Kos penyelenggaraan	Penurunan 10% kos penyelenggaraan setiap tahun
	Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Kemudahan Awam	Jangka hayat kemudahan awam	Peningkatan 5% jangka hayat kemudahan awam setiap tahun

teras Strategik 7

*Meningkatkan Keupayaan,
Keprihatinan dan Penglibatan
Masyarakat Bagi Mewujudkan
Masyarakat Madani Yang Harmonis*

PENGLIBATAN MASYARAKAT ADALAH PENTING KEARAH MENJADIKAN KLANG SEBAGAI BANDARAYA TERBILANG BUKAN SAHAJA DARI ASPEK FIZIKAL BAHKAN MERANGKUMI ASPEK SOSIAL DAN KEROHANIAN. UNTUK ITU, MPK TELAH MERANGKA BEBERAPA STRATEGI UNTUK MEMPERTINGKATKAN IMEJ DAN SETERUSNYA MENARIK PENGLIBATAN MASYARAKAT DIDALAM PROGRAM-PROGRAM YANG DIATUR.

STRATEGI

- Mempertingkatkan imej Majlis pada pandangan masyarakat
- Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan
- Memperkukuhkan jalinan hubungan dua hala dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program PBT
- Mempertingkatkan agenda perpaduan satu malaysia

PELAN TINDAKAN

1. menyediakan pelan penjenamaan semula Majlis
2. Mempertingkatkan keberkesanan program promosi dan hebahan
3. Menjalinkan kerjasama yang erat dengan media
4. Mewujudkan mekanisma penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO serta pihak swasta
5. Memperkukuhkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan semua PBT
6. Menaiktaraf Pusat Info dan Maklum Balas Komuniti
7. Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program PBT
8. Mengaktifkan Jawatankuasa Komuniti
9. Menyediakan kemudahan sosial secara adil dan seimbang selaras dengan taburan penduduk
10. Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan sosio ekonomi Bandar

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASAKAN
Memperingkatkan imej Majlis pada pandangan masyarakat	Menyediakan pelan perjenamaan semula Majlis	Pengiktirafan	Siap pada tahun 2012
	Memperingkatkan keberkesanan program promosi dan hebahan	Bilangan penyertaan	80% setiap tahun
	Menjalinkan kerjasama yang erat dengan media	Liputan positif daripada pihak media dan masyarakat	80% setiap tahun
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan	Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO's serta pihak swasta	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun
	Memperkuhkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan semua PBT	Bilangan kerjasama strategik	Peningkatan 5% bilangan kerjasama strategik pada setiap tahun
Memperkuhkan jalinan hubungan dua hala dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program PBT	Menaiktaraf Pusat Info dan Maklum Balas Komuniti	Penyelesaian aduan/kes	Setiap tahun 90% aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
	Memperingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program PBT	Penyertaan komuniti	50% penglibatan komuniti dalam program/aktiviti
Memperingkatkan agenda perpaduan	Mengaktifkan Jawatankuasa Komuniti	Indeks perpaduan	Indeks jenayah menurun 5% pada setiap tahun
	Menyediakan kemudahan sosial secara adil dan seimbang selaras dengan taburan penduduk	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun
	Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan socio ekonomi Bandar	Garis Kemiskinan	RM1500 bagi pendapatan seisi rumah

rangkaian strategik

Majlis Perbandaran Klang

MPK memanfaatkan sepenuhnya forum berikut untuk mendapatkan input-input serta pandangan pelbagai pihak dalam melaksanakan agenda transformasi untuk Perbandaran Klang.

- **Senarai mesyuarat dengan agensi kerajaan di peringkat negeri / daerah.**
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor.
 - Mesyuarat Penyelarasan Pejabat Tanah Daerah Dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - Mesyuarat Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Pegawai Daerah, Datuk Bandar Dan Yang Dipertua Negeri Selangor.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akuan.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Tanah Negeri Selangor
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Setinggan Negeri Selangor
 - Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri Selangor
 - Mesyuarat Jawatankuasa Kilang Haram Negeri Selangor.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor
 - Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan OSC di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
 - Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Klang.

- **Senarai mesyuarat dengan agensi kerajaan di peringkat persekutuan**
 - Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-perbandaran Malaysia.
 - Sesi Dialog Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan Bersama Ketua-ketua Unit OSC Semenanjung Malaysia Dan Industry Player.
 - Mesyuarat Pelaksanaan Program Bandar Selamat

- **Senarai perbincangan berkala dengan syarikat swasta.**
 - Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC).
 - Mesyuarat Pelaburan Daerah Klang.
 - Dialog Bersama Pekilang-pekilang.

- **Senarai perbincangan berkala dengan persatuan atau wakil penduduk**
 - Mesyuarat Jawatankuasa Orang Kurang Upaya Daerah Klang.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kebersihan Daerah Klang.
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Local Agenda 21 Klang
 - Mesyuarat Pelaksanaan Zon Bersih Majlis Perbandaran Klang.

- **Senarai perbincangan berkala dengan pembekal dan kontraktor**
 - Mesyuarat Penyelenggaraan Kawasan Bersama Kontraktor.
 - Mesyuarat Pemantauan Bersama Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.

elemen-elemen

Kejayaan

PENGLIBATAN MASYARAKAT

Penglibatan semua peringkat masyarakat merupakan sandaran utama yang menentukan kejayaan Pelan Strategik ini. Masyarakat setempat mestilah mengetahui tentang kewujudan pelan ini dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti dan program yang memerlukan input dari mereka. Promosi tentang kemajuan pelaksanaan pelan ini akan diwar-warkan kepada penduduk Klang melalui hebahan media atau perjumpaan terbuka.

SOKONGAN KAKITANGAN

Sokongan dan kepercayaan atau *buy-in* semua kakitangan MPK terhadap pelan ini menentukan tahap iltizam mereka dalam melaksanakan strategi yang telah dirancang. MPK akan sentiasa memastikan semua kakitangan memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menjayakan agenda transformasi untuk bandaraya Klang. Kakitangan MPK akan diberikan maklumbalas tentang hasil pelaksanaan sesuatu projek supaya mereka memahami kepentingan peranan yang dimainkan.



PENGURUSAN PROJEK

Pengurusan projek akan diperkemas bagi memastikan projek-projek dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan agar memenuhi sasaran yang ditetapkan. Pada masa yang sama sumber-sumber akan digembleng secara optimum bagi mencapai maksud ini.

PENGURUSAN ILMU DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan serta system penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui Sistem Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management* MPK. Selain itu, tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan MPK melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik.





KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

Bagi memastikan setiap unit dan jabatan di MPK memainkan peranan dengan berkesan dan menghasilkan impak terhadap rakyat, Pelan Strategik beserta pelan tindakan yang terkandung di dalamnya akan sentiasa dipantau dan tertakluk kepada kajian semula pada tahun 2012.



| peta strategik (2010-2015)

Majlis Perbandaran Klang |

Peta Strategik (*Strategy Map*) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Terdapat 19 bulatan (*bubble*) dalam peta strategi, dan tiap bulatan merupakan strategi yang perlu dilaksana bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini perlu diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu **Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Proses Dalaman** serta **Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan**.

PERSPEKTIF PELANGGAN

PERSPEKTIF KEWANGAN

**PERSPEKTIF PROSES
DALAMAN**

**PERSPEKTIF PEMBELAJARAN
DAN PERTUMBUHAN**



| Penutup |

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2011-2015 telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamnya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

